

# PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM PERKARA MENGENAI PERJANJIAN PINJAMAN DAN SURATIKATAN PENYERAHANHAK  
KEDUA-DUANYA BERTARIKH 14HB MEI, 2007

ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM  
(dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia)

PEMEGANG SERAHHAK / PEMBIAYA

DAN

NIK HASSAN BIN NIK HIM (NO K/P.: T 1113101)

PENYERAHHAK / PELANGGAN

Dalam menjalankan hak dan kuasa yang telah diberikan kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya di bawah Perjanjian Pinjaman Dan Suratikatan Penyerahanhak Kedua-Duanya Bertarikh 14hb Mei, 2007 di antara Pemegang Serahhak/Pembiaya dan Penyerahhak/Pelanggan adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pemegang Serahhak/Pembiaya tersebut dengan bantuan Pelelong yang tersebut di bawah

AKAN MENJUAL HARTANAH YANG DIHURAIKAN DI BAWAH SECARA

## LELONGAN AWAM

PADA 18HB MEI, 2024, BERSAMAAN HARI SABTU, JAM 9.30 PAGI,

LELONGAN SECARA ATAS TALIAN

DI WEBSITE [WWW.EHSANAUCTIONEERS.COM](http://WWW.EHSANAUCTIONEERS.COM)

&

Bakal pembeli boleh membuat tawaran atas talian ("online") melalui laman web di [www.ehsanauctioneers.com](http://www.ehsanauctioneers.com)  
(Sila buat pendaftaran sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum tarikh lelongan untuk tujuan pendaftaran dan pengesahan)

Bakal pembeli adalah selanjutnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di [www.ehsanauctioneers.com](http://www.ehsanauctioneers.com)

NOTA : Bakal-bakal penawar adalah dinasihatkan agar (i) memeriksa harta tersebut (ii) meminta nasihat dari Pihak Guaman mengenai Syarat-Syarat Jualan (iii) membuat carian hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan/atau lain-lain Pihak-pihak Berkuasa yang berkenaan (iv) serta membuat pertanyaan dengan pihak-pihak lain yang berkenaan termasuk Pemaju sebelum jualan lelong (v) bahawa Harga Belian dan wang lain yang kena dibayar berkaitan dengan lelongan awam ke atas Hartanah tersebut adalah tidak termasuk apa-apa cukai-cukai Kerajaan yang dikenakan ke atas pembayaran tersebut termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan yang mesti dibayar oleh penawar yang berjaya.

### BUTIR-BUTIR HAKMILIK

Hakmilik Strata untuk subjek hartanah belum dikeluarkan.

NO. HAKMILIK / NO. LOT : GM 2914, Lot 4020 (dahulunya GM 1541, Lot 1365, Plot 3), Mukim Bakar, Jajahan Machang, Negeri Kelantan  
KELUASAN TANAH : 130 meter persegi (1,400 kaki persegi)  
KELUASAN LANTAI : 64.84 meter persegi (698 kaki persegi)  
PEGANGAN : Selama-lamanya  
PENJUAL / PEMAJU : MJ Land Properties Sdn. Bhd. (706303-A)  
TUAN PUNYA : Azizah Binti Noh (No. K/P.: 601205-03-5324/ 6053531)  
Faridah Binti Noh (No. K/P.: 530729-03-5194/ 4621195)  
Minah Binti Mat Yusof (No. K/P.: 490130-03-5098/ 2855795)  
Mohamad Bin Noh (No. K/P.: 490524-03-5277/ 4111673)  
Mohd Fauzi Bin Noh (No. K/P.: 570923-03-5661/ 5246136)  
Norizan Binti Noh (No. K/P.: 621004-03-5350/6911299)

BEBANAN : Serahhak kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia)

KATEGORI KEGUNAAN TANAH : Bangunan  
SYARAT NYATA : Bangunan Kediaman sahaja mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

NOTA : KAWASAN RIZAB MELAYU

### LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH:

Hartanah tersebut adalah rumah teres kekal satu tingkat - tengah (terbengkalai) yang dikenali sebagai Petak Pemaju Plot No. 3, Taman MJ Bistari yang beralamat pos di No. 3, Lot 4020, Taman MJ Bistari, Kampung Cherodok, 18500 Machang, Kelantan.

### HARGA RIZAB:

Hartanah tersebut akan dijual dalam "keadaan sepertiimana sedиаda" dan tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak RM95,000.00 (RINGGIT MALAYSIA SEMBILAN PULUH LIMA RIBU SAHAJA) dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan dengan cara Penyerahhak dari Pemegang Serahhak/Pembiaya dan tertakluk kepada Pembeli memperolehi kelulusan untuk pindahmilik daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan, sekiranya ada termasuk semua terma, syarat-syarat, stipulasi, waad di mana mungkin yang akan dikenakan oleh Pihak Berkuasa. Tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan, segala tunggakan cukai tanah, cukai taksiran dan caj perkhidmatan/penyenggaraan sahaja yang mungkin dikenakan oleh Pemaju atau Pihak Berkuasa yang berkenaan setakat tarikh lelong/jualan akan dibayar daripada harga pembelian. Segala bayaran lain berhubung dengan pindahmilik hendaklah ditanggung oleh Pembeli.

Penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit 10% daripada harga rizab secara pindahan bank tempatan ('local bank transfer') kepada akaun berikut:-

i) Akaun : EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD. (BIDDER DEPOSIT)  
ii) Bank : AMBANK (M) BERHAD  
iii) No. Akaun : 0662012000727

Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik sebelum pendaftaran ditutup.

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan TETUAN RITHAUDEEN & AZIZ, Peguamcara bagi Pemegang Serahhak/Pembiaya di Tingkat 6, Bangunan Pkink, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan. [No. Ruj: ZD/DC/LPPSA.LACA/302/2023, No. Tel: 09-7481188, 09-7481891, No. Faks: 09-7444820] atau Pelelong yang tersebut di bawah.

EHSAN AUCTIONEERS SDN BHD (No. Syarikat 617309-U)

Suite C-20-3A, Tingkat 20, Blok C, Megan Avenue II,  
12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.  
No. Tel: 03-2161 6649 No. Faks: 03-2161 6648

No. Ruj Kami: AZWA/LPPSA0631/RA

E-mail: [munira@ehsanauctioneers.com](mailto:munira@ehsanauctioneers.com)

Laman Web: [www.ehsanauctioneers.com](http://www.ehsanauctioneers.com)

HP NO. : 016 2161 047 (CALL, WHATSAPP & SMS)

DATO' HAJI ABDUL HAMID P.V. ABDU (D.I.M.P)

/ ABDUL RAHIM BIN HUSSIN

(Pelelong Berlesen)

**PROCLAMATION OF SALE**  
**IN THE MATTER OF THE LOAN AGREEMENT AND DEED OF ASSIGNMENT**  
**BOTH DATED 14TH DAY OF MAY, 2007**

BETWEEN

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**  
(formerly known as "Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia")

**ASSIGNEE / FINANCIER**

AND

**NIK HASSAN BIN NIK HIM (NRIC NO.: T 1113101)**

**ASSIGNOR / CUSTOMER**

In exercising the rights and powers conferred upon the Assignee/Financier under the **Loan Agreement And Deed Of Assignment Both Dated 14th Day Of May, 2007** entered into between the Assignee/Financier and the Assignor/Customer it is hereby proclaimed that the Assignee/Financier with the assistance of the undermentioned Auctioneer

**WILL SELL THE PROPERTY DESCRIBED BELOW BY**  
**PUBLIC AUCTION**  
**ON SATURDAY, THE 18TH DAY OF MAY, 2024, AT 9.30 A.M. IN THE MORNING,**  
**VIA ONLINE BIDDING**  
**AT WEBSITE [WWW.EHSANAUCTIONEERS.COM](http://WWW.EHSANAUCTIONEERS.COM)**

&

Bidders may submit bids for the property online via [www.ehsanauctioneers.com](http://www.ehsanauctioneers.com)  
(Please register at least one (1) working day before auction day for registration & verification purposes)  
Bidders are further subject to the terms and conditions on [www.ehsanauctioneers.com](http://www.ehsanauctioneers.com)

**NOTE :** Prospective bidders are advised to (i) inspect the subject property (ii) seek independent legal advice on the Conditions of Sale herein (iii) conduct an official title search at the relevant Land Office and/or other relevant authorities and (iv) make the necessary enquiries with the relevant authorities which shall include the Developer prior to the auction sale (v) the Purchase Price and other monies due and payable in relation to the public auction of the above-mentioned Property excludes any Government tax that may be imposed on such payment including Goods and Services Tax that shall be paid by the Successful Bidder.

**PARTICULARS OF TITLE**

The Strata title for the subject property has not been issued.

<b>MASTER TITLE NO. / LOT NO.</b>	:	GM 2914, Lot 4020 (formerly GM 1541, Lot 1365, Plot 3), Mukim of Bakar, District of Machang, State of Kelantan
<b>LAND AREA</b>	:	130 square metres (1,400 square feet)
<b>FLOOR AREA</b>	:	64.84 square metres (698 square feet)
<b>TENURE</b>	:	Freehold
<b>VENDOR / DEVELOPER</b>	:	MJ Land Properties Sdn. Bhd. (706303-A)
<b>PROPRIETORS</b>	:	Azizah Binti Noh (Nric No.: 601205-03-5324/ 6053531) Faridah Binti Noh (Nric No.: 530729-03-5194/ 4621195) Minah Binti Mat Yusof (Nric No.: 490130-03-5098/ 2855795) Mohamad Bin Noh (Nric No.: 490524-03-5277/ 4111673) Mohd Fauzi Bin Noh (Nric No.: 570923-03-5661/ 5246136) Norizan Binti Noh (Nric No.: 621004-03-5350/6911299)
<b>ENCUMBRANCE</b>	:	Assigned to <b>LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM</b> (formerly known as "Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia")
<b>CATEGORY OF LAND USE</b>	:	Bangunan
<b>EXPRESS CONDITION</b>	:	Bangunan Kediaman sahaja mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
<b>NOTE</b>	:	<b>MALAY RESERVE AREA</b>

**LOCATION AND DESCRIPTION OF THE PROPERTY:**

The subject property is a **one storey permanent terrace house – Intermediate (abandoned)** known as **Developer's Parcel Plot No. 3, Taman MJ Bistari** bearing postal address **No. 3, Lot 4020, Taman MJ Bistari, Kampung Cherodok, 18500 Machang, Kelantan.**

**RESERVE PRICE:**

The subject property will be sold on an "as is where is basis" and subject to a reserve price of **RM95,000.00 (RINGGIT MALAYSIA NINETY FIVE THOUSAND ONLY)** and subject to the Conditions of Sale and by way of an Assignment from the above Assignee/ Financier subject to the approval being obtained by the Purchaser from the relevant authorities if any, including all terms, conditions, stipulations and covenants which were and may be imposed by the relevant authorities. **Subject to the terms and conditions stated in the Conditions of Sale, any arrears of quit rent, assessments and service/maintenance charges only which may be lawfully due to the Developer or the relevant authorities up to the date of successful sale of the subject property shall be paid out of the purchase money. All other fees, costs and charges relating to the transfer and assignment of the property shall be borne solely by the successful Purchaser.**

All intending bidders are required to deposit 10% from the reserve price via local bank transfer in favour of:-

i) Account's Name	:	EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD. (BIDDER DEPOSIT)
ii) Bank	:	AMBANK (M) BERHAD
iii) Account No.	:	0662012000727

Evidence of transfer must be uploaded and submitted before the registration closed.

FOR FURTHER PARTICULARS, please contact **MESSRS. RITHAUDEEN & AZIZ** of **Tingkat 6, Bangunan Pkink, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan. [Ref No.: ZD/DC/LPPSA.LACA/302/2023, Tel No.: 09-7481188 , 09-7481891, Fax No.: 09-7444820].** Solicitors for the Assignee/Financier herein or the undermentioned Auctioneer.

**EHSAN AUCTIONEERS SDN BHD (No. Syarikat 617309-U)**  
Suite C-20-3A, Tingkat 20, Blok C, Megan Avenue II,  
12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.  
Tel No.: 03-2161 6649 Fax No.: 03-2161 6648  
**Our Ref No.: AZWA/LPPSA0631/RA**  
E-mail: [munira@ehsanauctioneers.com](mailto:munira@ehsanauctioneers.com)  
Website: [www.ehsanauctioneers.com](http://www.ehsanauctioneers.com)  
**HP NO. : 016 2161 047 (CALL, WHATSAPP & SMS)**

**DATO' HAJI ABDUL HAMID P.V. ABDU (D.I.M.P)**  
**/ ABDUL RAHIM BIN HUSSIN**  
(Peeliong Berlesen)

# SYARAT JUALAN

Jualan ini dibuat oleh **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) (Pemegang Serahhak/Pembiaya)** dalam melaksanakan hak-hak dan kuasa yang diberikan kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya menurut **Perjanjian Pinjaman Dan Suratikatan Penyerahhak Kedua-Duanya Bertarikh 14hb Mei, 2007** yang di laksanakan oleh **NIK HASSAN BIN NIK HIM (NO. K/P.: T 1113101)** (Penyerahhak/Pelanggan) yang memihak kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya dan dibuat tertakluk kepada semua syarat-syarat dan kategori kegunaan tanah, nyata dan/atau tersirat dan/atau dikenakan ke atasnya dan/atau yang berkaitan dengan dan/atau melibatkan Hartanah tersebut.

## 1. Harga Rizab

Jualan ini adalah tertakluk kepada harga rizab.

## 2. Penawaran

- Tiada bidaan boleh ditarik balik atau lebih rendah daripada tawaran sebelum yang terakhir.
- Tertakluk kepada harga rizab, Pelelong hendaklah menetapkan jumlah wang yang memulakan bidaan dan mengawal setiap kenaikan tawaran berikutnya.
- Pelelong boleh menolak mana-mana tawaran atau tawaran tanpa memberi sebarang sebab.
- Tertakluk kepada Syarat-syarat ini, pembida tertinggi (yang diisytiharkan sedemikian oleh Pelelong) adalah **Penawar yang berjaya**.

## 3. Hak Pemegang Serah Hak / Pembiaya

Pemegang Serahhak / Pembiaya mempunyai hak yang berikut:

- Untuk membuat tawaran tanpa perlu mendepositkan dengan Pelelong yang diperlukan **sepuluh peratus (10%)** daripada harga rizab, dengan sendirinya atau ejennya. Sekiranya bahawa Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya adalah Penawar yang berjaya dan diisytiharkan oleh Pelelong, Pihak Pemegang Serahhak / Pembiaya mempunyai kebebasan untuk menolak harga pembelian dengan amaun yang kena dibayar dan terhutang oleh Penyerah Hak / Pelanggan di bawah Dokumen Keselamatan dan segala kos dan perbelanjaan, berkaitan dengan dan hasil daripada jualan itu;
- Mana- mana pihak atau syarikat yang berkaitan dengan Pihak **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** yang ingin membuat tawaran atau bidaan di lelongan awam adalah dikecualikan daripada mematuhi peruntukan dalam Klausa 5(b), 8(a) dan 14 (b) bagi Syarat-syarat Jualan ini. Jika Syarikat Berkaitan **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** adalah Penawar yang berjaya:
  - Suatu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana: dan
  - Baki Harga Belian hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana syarikat berkaitan **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** dalam tempoh seratus dua puluh hari (120 ) hari dari tarikh jualan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak / Pembiaya (jika ada)
- Untuk menarik balik, menangguhkan, membatalkan atau menangguhkan jualan lelong hartanah pada bila-bila masa sebelum tarikh lelongan dan sebelum kejatuhan tukul dengan atau tanpa memberi sebarang notis; dan
- Untuk menjual hartanah ditarik balik pada bila-bila masa atau masa tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan sama ada serupa atau berbeza keseluruhannya atau sebahagiannya daripada syarat-syarat dan ketentuan yang berlaku kepada Hartanah untuk dilelong di lelongan ini dan dalam apa-apa cara yang Pemegang Serah Hak / Pembiaya difikirkannya patut.
- Untuk membatalkan jualan lelong hartanah selepas ketukan tukul dengan memberi notis secara bertulis.

## 4. Pengeluaran Bidaan

Mana-mana pembida yang telah membuat tawaran dan menarik diri sebelum kejatuhan tukul semasa lelongan dijalankan, akan menyebabkan deposit beliau sama dengan **10%** daripada harga rizab dilucutkan sebagai ganti rugi bersetuju untuk pembayaran kepada Pemegang Serah Hak /Pembiaya. Pelelong berhak untuk meletakkan semula hartanah untuk dijual pada tawaran dipertikaikan terakhir, atau sebaliknya untuk menangguhkan lelongan untuk tarikh yang lain.

## 5. Sebelum lelongan

- Pemegang Serah Hak / Pembiaya mempunyai hak mutlak pada bila-bila masa untuk mengubah atau menambah butir-butir dan /atau syarat-syarat jualan;
- Semua Penawar (dengan pengecualian daripada Pemegang Serah Hak / Pembiaya) hendaklah mendepositkan dengan Pelelong jumlah yang bersamaan dengan **10%** daripada harga rizab secara pindahan bank tempatan ('local bank transfer') kepada akaun berikut:-

i) Akaun	:	<b>EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD. (BIDDER DEPOSIT)</b>
ii) Bank	:	<b>AMBANK (M) BERHAD</b>
iii) No. Akaun	:	<b>0662012000727</b>

Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik sebelum pendaftaran ditutup.

- Mana-mana penawar yang ingin membuat bidaan bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat, adalah dikehendaki mengemukakan surat kuasa wakil kepada pelelong ketika pendaftaran secara atas talian dilakukan. Surat wakil tersebut hendaklah mengesahkan penawar telah diberi kuasa untuk membuat bidaan dan menandatangani semua dokumen yang berkaitan. Bagi syarikat, wakil / ejen hendaklah mengemukakan borang 24, 44, 49, Resolusi Syarikat dan memorandum Syarikat;
- Semua Penawar dikehendaki menunjukkan kad pengenalan / MyKad yang asal mereka kepada Pelelong untuk mengenal pasti, jika tidak, mereka tidak berhak untuk membuat tawaran;

## 6. Larangan Untuk Bertindak / Bidaan

- a. Tiada bankrap dibenarkan untuk membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen. Sekiranya seorang si-bankrap membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen berhubung dengan penjualan hartanah, deposit yang dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilucut hak kepada Pemegang Serah Hak / Pemiaya dan hartanah itu hendaklah dijual semula.
- b. Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap hanya dibenarkan untuk membida hartanah dengan persetujuan / kelulusan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pelaburan asing, dan / atau Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan / atau pihak berkuasa yang berkenaan dan Pemegang Serah Hak / Pemiaya / Pelolong / peguam cara Pemegang Serah Hak / Pemiaya hendaklah pada setiap masa tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan / penolakan / pengabalian oleh Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap Luar untuk memohon dan / atau mendapatkan kelulusan / persetujuan itu. Sekiranya Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap, membuat tawaran untuk hartanah itu, tanpa kelulusan yang diperlukan / persetujuan maka Deposit yang dibayar akan dilucuthak oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya dan hartanah akan dijual semula.
- c. Penawar hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas. Kelayakan penawar adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang negeri yang sedia ada.

## 7. Jualan

Penawar yang berjaya (kecuali di mana Pemegang Serah Hak / Pemiaya adalah pembida) membida Hartanah tersebut hendaklah berakujanji untuk menandatangani borang Kontrak atau Memorandum dan membayar jumlah perbezaan (jika ada) antara jumlah sepuluh peratus (10%) daripada harga belian dan jumlah deposit sepuluh peratus (10%) yang dibayar di bawah Klausula 5b yang dinyatakan di atas, secara tunai atau dalam bentuk Bank Deraf atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** atau melalui pemindahan perbankan atas talian untuk membentuk jumlah deposit sepuluh peratus (10%) daripada harga tawaran yang berjaya dan hendaklah dianggap sebagai deposit sebenar yang **DISEDIAKAN**, di pejabat Pelolong dalam masa tiga (3) hari berkerja dari tarikh lelongan. Jika Penawar yang berjaya gagal untuk menandatangani Memorandum itu dan/atau tidak membayar deposit sebenar tersebut, maka **Klausula 9** hendaklah berkuat kuasa. Pelolong berhak untuk memegang Memorandum sehingga semua bayaran deposit sebenar tersebut telah ditunaikan.

## 8. Perlaksanaan

- a. Dalam tempoh 120 hari dari tarikh jualan lelong atau tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya (mengikut subjek tunggal Pemegang Serah Hak / Pemiaya untuk pembayaran faedah pada kadar faedah yang perlu ditentukan oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya), Pembeli hendaklah mendepositkan dengan Peguamcara yang dilantik oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya secara serentak: sejumlah wang yang bersamaan dengan 90% daripada tawaran yang berjaya ("**Jumlah Baki**") dan faedah bagi tempoh lanjutan (jika ada) dibuat melalui bank deraf atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** atau secara '**Real Time Electronics Transfer of Funds and Securities (RENTAS)**'. Permohonan tempoh lanjutan hendaklah dibuat oleh pembeli sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh tamat tempoh; dan
- b. Setelah menerima keseluruhan wang pembelian merujuk kepada klausula 8 (a) di atas, dan tertakluk kepada kelulusan pemaju dan pihak yang berkaitan (sekiranya ada), Pemegang Serahhak / Pemiaya akan melaksanakan Penyerahanhak (dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima kepada Pemegang Serah Hak / Pemiaya) dan menyerahkan Dokumen Sekuriti dan mana-mana dokumen lain yang berkaitan dalam simpanan Pemegang Serah Hak / Pemiaya kepada Pembeli, tetapi tugas itu hendaklah disediakan oleh dan atas perbelanjaan Pembeli. Di mana berkenaan, Pemegang Serah Hak / Pemiaya berhak untuk menambah atau meminda perjanjian mencukupi tanggung rugi dimasukkan dalam tugas supaya pembeli boleh menanggung semua liabiliti dan obligasi yang berkaitan dengan hartanah. Pemegang Serahhak / Pemiaya tidak akan menyerahkan hartanah itu kepada mana-mana pihak selain daripada Pembeli.
- c. Tertakluk kepada Klausula 8 (a) & (b) di atas, hartanah yang masih / ada bayaran progresif tertunggak yang perlu dibayar kepada Pemaju, Penawar yang berjaya hendaklah: -
  - i) Sekiranya Penawar yang berjaya memerlukan pinjaman untuk membolehkan Penawar yang berjaya melengkapkan pembelian di dalam ini, Penawar yang berjaya hendaklah dalam masa yang dinyatakan di atas, menyebabkan pemiaya Penawar yang berjaya mengeluarkan surat akujanji untuk membayar bayaran progresif baki mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama dibuat memihak kepada Pemaju dari pemiaya Penawar yang berjaya untuk melepaskan Pemegang Serah Hak / Pemiaya daripada akujanji yang asal;
  - ii) Sekiranya Penawar yang berjaya tidak memerlukan pinjaman untuk membolehkan Penawar yang berjaya melengkapkan pembelian di dalam ini, Penawar yang berjaya hendaklah dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas, memberikan jaminan bank memihak kepada Pemaju atau membayar bayaran progresif baki kepada pemaju mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama dan untuk melepaskan Pemegang Serah Hak / Pemiaya daripada akujanji yang asal;
  - iii) **Sekiranya ada sebarang bayaran yang tertunggak dan harus dibayar kepada Pemaju selepas tarikh jualan, termasuk baki bayaran progresif yang belum dilepaskan ('undisbursed') mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama, caj, faedah dan penalti akibat kelewatan oleh Penawar yang Berjaya/pemiaya Penawar yang Berjaya dalam memberikan sebarang akujanji / bayaran yang dinyatakan dalam Klausula 8 (c) i) atau Klausula 8 (c) ii) di atas, di mana bayaran tersebut perlu dibayar oleh Penawar yang berjaya.**
  - iv) Sekiranya Penawar yang berjaya, gagal dan / atau kecuai dan / atau enggan mendapatkan surat akujanji / jaminan bank / bayaran yang tersebut dalam cara dan pada masa yang ditetapkan dalam Klausula 8 (c) i) atau Klausula 8 (c) ii) di atas, Pemegang Serah Hak / Pemiaya berhak untuk membatalkan jualan melalui notis secara bertulis kepada Penawar yang berjaya, dimana Deposit yang disebut dalam Klausula 5 akan dilucuthakkan oleh Pemegang Serah hak / Pemiaya.
- d. Jika penawar yang berjaya menjadi bankrap atau meninggal dunia pada/sebelum Tarikh Siap atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya, Pemegang Serah Hak / Pemiaya mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk melakukan perkara yang berikut:
  - (a) melucuthak Deposit berserta dengan faedah dan jualan lelongan ini akan dianggap ditamatkan dan tidak berkuat kuasa lagi; atau
  - (b) setelah menolak segala perbelanjaan dalam menjalankan jualan lelong, membatalkan jualan dan membayar balik baki Deposit kepada harta pusaka si mati Penawar yang Berjaya (tertakluk kepada pengemukaan dokumen-dokumen berkaitan yang membuktikan kematian dan hak perwakilan harta pusaka si mati) atau Pegawai Pemegang Harta mengikut mana-mana yang berkenaan jika Pembeli yang berjaya ialah atau menjadi seorang bankrap; dan
  - (c) Pemegang Serahhak / Pemiaya boleh menyelesaikan perkara itu dalam apa-apa cara lain yang Pemegang Serah Hak / Pemiaya anggap patut dan keputusan Pemegang Serah Hak / Pemiaya adalah muktamad.

## 9. Keingkaran

Jika Penawar yang berjaya ingkar dalam mematuhi mana-mana syarat di atas atau membayar apa-apa wang yang harus dibayar, maka Pemegang Serah Hak / Pemiaya boleh (tanpa menjejaskan hak-hak Pemegang Serah Hak / Pemiaya bagi pelaksanaan spesifik) menganggap keingkaran tersebut sebagai penolakan kontrak dan menamatkan jualan tanpa notis di mana wang yang dibayar sebelum ini menurut Klausula 5 dan Klausula 7 (mengikut mana yang berkenaan) akan dilucutkan secara mutlak oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya yang berhak untuk melong semula hartanah tersebut dan kos seperti semula jualan tersebut dengan pengurangan harga (jika ada) akibat dengan penjualan semula, maka segala kos dan hutang yang hendak dibayar akan dikenakan kepada Penawar yang berjaya yang ingkar.

## 10. Cukai Tanah & Lain-lain bayaran

- a. Tertakluk kepada Klausula 8 (c) di atas, apa-apa tunggakan cukai pintu, cukai tanah dan perkhidmatan / caj penyelenggaraan sahaja yang tertunggak kepada Pemaju atau pihak berkuasa yang berkenaan sehingga tarikh jualan hartanah tersebut akan ditanggung setelah menerima keseluruhan daripada wang pembelian dengan syarat Penawar yang berjaya hendaklah mendapatkan salinan bil tersebut dan meminta bayaran daripada Pemegang Serah Hak / Pemiaya dalam tempoh 120 hari dari tarikh jualan. Pemegang serah hak tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran atau menolak daripada wang pembelian apa-apa utiliti/bil tertunggak yang berkaitan dengan hartanah seperti kos pentadbiran, sinking fund, air, elektrik, telefon, gas atau caj pembentungan dan lain-lain. Apa-apa jumlah wang yang kena dibayar dan perlu dibayar selepas tarikh jualan hendaklah ditanggung oleh Penawar yang berjaya sama sekali. Penawar yang berjaya hendaklah menanggung dan membayar semua yuran dan perbelanjaan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua yuran guaman, duti setem dan yuran pendaftaran yang berkaitan dengan, bersampingan menurut harta / Penyerahhakan dan semua dokumen lain yang perlu bagi melaksanakan pemindahan atau memberikan pemilikan benefisial dalam harta itu kepada Penawar yang berjaya.
- b. **Tertakluk kepada klausula 8 (c) di atas, jika terdapat jumlah pembiayaan yang belum dilepaskan ('undisbursed') oleh Pemegang Serah Hak/ Pemiaya kepada Pemaju, Pemegang Serah Hak/ Pemiaya adalah dilepaskan dari sebarang obligasi dan/ atau liabiliti dan/atau tidak tertakluk atas apa-apa tanggungan untuk melepaskan apa-apa jumlah tuntutan lanjut yang belum dilepaskan (sekiranya ada) kepada Pemaju. Penawar yang Berjaya selanjutnya juga tidak boleh menuntut daripada Pemegang Serah Hak/ Pemiaya apa-apa jumlah tuntutan yang belum dilepaskan berkaitan harta tersebut.**
- c. **Walau apa pun yang dinyatakan perenggan 10(b) di atas, Pemegang Serah Hak/ Pemiaya boleh atas budi bicara penuhnya, sebaliknya membuat bayaran ke atas baki jumlah tuntutan yang belum dituntut sekiranya harta tersebut telah siap dibina sepenuhnya oleh Pemaju dan setelah wang harga belian diterima keseluruhannya dengan syarat penawar yang berjaya hendaklah mendapatkan salinan bil tersebut dan meminta bayaran daripada Pemegang Serah Hak/ Pemiaya dalam tempoh 120 hari daripada tarikh jualan dan mengikut syarat-syarat lain yang berkuatkuasa (sekiranya ada).**

## 10A. Pengeluaran hakmilik strata / individu

- a. Penawar yang berjaya hendaklah pada kos dan perbelanjaan sendiri memohon kepada pihak berkuasa berkenaan untuk mendapatkan kelulusan sekiranya pemindahan hakmilik strata / individu telah dikeluarkan.

## 11. Kelulusan Pihak Berkuasa Berkenaan

Hartanah dijual tertakluk kepada Penawar yang Berjaya pada kos sendiri untuk memohon dan mendapatkan kelulusan (jika ada) daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan. Semua bayaran yang terhutang kepada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan yang berkaitan hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Penawar yang berjaya secara mutlak. Penawar yang berjaya berakujanji untuk memaklumkan Pemegang Serah Hak / Pemiaya dan / atau peguamcaranya mengenai perkembangan permohonan tersebut. Tiada jaminan diberikan oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya bahawa mana-mana kelulusan boleh diperolehi, tetapi sekiranya:

- a. Sebarang kelulusan yang tidak diperolehi daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan (selain daripada sebab-sebab yang boleh dikaitkan dengan apa-apa perbuatan keingkaran atau peninggalan oleh Penawar yang berjaya apabila habis tempoh masa yang ditetapkan untuk penyempurnaan: atau
- b. Sebarang kelulusan daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang tidak boleh diterima oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya mengikut budi bicara mutlak; atau
- c. Jualan di dalam ini yang diketepikan bagi apa-apa sebab sekalipun oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya atau melalui Perintah Mahkamah;

Tertakluk kepada Klausula 6 (b) di atas, Pemegang Serah Hak / Pemiaya adalah berhak secara mutlak untuk membatalkan jualan dengan memberi Penawar yang berjaya notis bertulis mengenainya, di mana:

- I. Jika sementara itu Penawar yang berjaya telah mengambil hakmilik hartanah tersebut, maka Penawar yang berjaya adalah bertanggung pada kos sendiri untuk mengembalikan harta itu kepada keadaan asal pada tarikh jualan lelongan, dan selepas itu secara aman untuk memulangkan hakmilik hartanah tersebut kepada Pemegang Serah Hak / Pemiaya dalam tempoh 7 hari dari tarikh penyampaian notis untuk membatalkan jualan itu; dan jualan itu; dan
- II. Kos / perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh Pemegang Serah Hak / Pemiaya berkaitan dengan penjualan, dan juga kos untuk mengembalikan semula kerosakan (jika ada) kepada hartanah yang dilakukan oleh Penawar yang berjaya dalam milikan hartanah itu akan ditolak dari wang deposit dan wang lain (jika ada, yang dibayar di sini terhadap akaun daripada harga beli oleh Penawar yang berjaya kepada Pemegang Serah Hak / Pemiaya) dan selepas itu baki (jika ada) hendaklah dibayar balik Penawar yang berjaya tanpa faedah. Untuk tujuan ini suatu perakuan yang ditandatangani oleh mana-mana pegawai Pemegang Serah Hak / Pemiaya mengesahkan amaun belanja atau kos itu adalah dianggap muktamad / konklusif dan terikat terhadap Penawar yang berjaya.

Tertakluk seperti yang disebut terdahulu, Penawar yang Berjaya tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap pihak Pemegang Serah Hak / Pemiaya, Peguamcara atau Pelelong untuk ganti rugi, pampasan atau apa-apa sebab sekalipun berhubung dengan pembatalan jualan seperti yang disebut terdahulu.

## 12. Pemilikan Kosong

Hartanah itu dijual tanpa pemilikan kosong, dengan itu tiada jaminan diberikan bahawa hartanah itu boleh digunakan untuk menginap dan sekiranya keadaan yang sedia ada yang menghalang kemasukan atau penginapan oleh Penawar yang Berjaya, keadaan sedemikian tidak akan membatalkan penjualan dan atau hak kepada Pembeli untuk membatalkan kontrak atau menuntut pengurangan harga atau ganti rugi. Pemegang Serahhak / Pembiaya tidak bertanggungjawab untuk menyerahkan milikan kosong hartanah berkenaan kepada Penawar yang Berjaya. Penawar yang Berjaya selepas pembayaran harga belian sepenuhnya bersama-sama dengan apa-apa faedah terakru, jika ada, hendaklah pada kos dan perbelanjaan sendiri mengambil milikan hartanah tersebut.

## 13. Keadaan Hartanah

